

# PM terima perletakan jawatan Datuk Mokhtar Hashim

**KUALA LUMPUR, Jumaat —** Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menerima perletakan jawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim dari Kabinet.

Jurucakap Pejabat Perdana Menteri mengesahkan hari ini bahawa Datuk Seri Dr Mahathir menerima surat perletakan jawatan Datuk

Mokhtar dari peguam Datuk Mokhtar pada hari Rabu.

Perdana Menteri juga telah memberitahu Kabinet tentang perkara itu.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Ahmad Badawi akan terus memangku jawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. — Bernama.